



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

15 OGOS 2024 (KHAMIS)

Laman Kucing DBKL jadi tempat perlindungan kucing terbiar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
WILAYAHKU	Berita	Online	14 Ogos



LAMAN Kucing Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan sebuah tempat perlindungan kepada kucing terbiar, kata Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Azman Abidin.

Beliau berkata laman kucing itu juga merupakan salah satu inisiatif bagi membendung gejala ganggu-gugat dari kucing jalanan.

“Dimaklumkan Laman Kucing DBKL ini adalah satu tempat yang komprehensif bagi perlindungan kucing di mana kucing akan yang diserahkan kepada pihak laman melalui proses tapisan kesihatan dan kemudian akan dimandulkan.

“Saya berharap usaha murni ini dapat diteruskan ditempat lain bagi memberi pembelaan kepada kucing jalanan,” katanya.

Beliau hadir ke Majlis Perasmian Laman Kucing DBKL di Taman Tasik Permaisuri, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur semalam. Majlis itu dirasmikan oleh Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL, Ismadi Sakirin.

Menurut Ismadi idea penubuhan Laman Kucing dicetuskan bersama Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh. Laman Kucing DBKL ini juga merupakan satu platform bagi memperkasakan program adopsi kucing di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. –WILAYAHKU

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR